

**UCAPAN PRESIDEN BARACK OBAMA
DI JAKARTA
NOVEMBER 10, 2010**

9:30 PAGI WIT

PRESIDEN: “Terima kasih. Terima kasih,” Banyak terima kasih, terima kasih semuanya. “Selamat pagi.” (Tepukan.) Sungguh gembira saya di sini di Universiti Indonesia. Kepada fakulti, para pekerja dan para pelajar, dan kepada Dr. gumilar Rusliwa Somantri, banyak terima kasih atas sambutan hangat ini.

“Asalamualaikum dan salam sejahtera. Terima kasih di atas sambutan yang hangat ini. Terima kasih kepada penduduk Jakarta. Dan terima kasih kepada rakyat Indonesia.

“Pulang kampung nih.” (Tepukan.) Saya begitu gembira dapat pulang ke Indonesia, dan Michelle juga dapat bersama saya. Cadangan kami ke sini tergendala beberapa kali pada tahun ini, tetapi saya begitu cekal untuk melawat negara ini yang sangat bermakna bagi saya. Malangnya, lawatan ini terlalu pendek, tetapi saya pasti akan kembali ke sini setahun dari sekarang, apabila Indonesia menjadi tuan rumah kepada sidang kemuncak Asia Timur. (Tepukan.)

Sebelum saya teruskan, saya ingin mendoakan untuk rakyat Indonesia yang menjadi mangsa tsunami dan gunung berapi – terutama bagi mereka yang kehilangan ahli keluarga yang tersayang, dan mereka yang kehilangan tempat berteduh. Saya mahu anda semua tahu bahawa seperti selalunya, Amerika Syarikat bersedia berganding bahu dengan Indonesia untuk menangani bencana alam ini, dan kami berbesar hati dapat memberi bantuan yang diperlukan. Sementara jiran membantu jiran dan memberi tempat berteduh bagi mereka yang terbuang, saya yakin bahawa kekuatan dan kecekalan rakyat Indonesia akan dapat menyelamatkan rakyat negara ini sekali lagi.

Biarlah saya mulakan dengan satu kenyataan yang mudah: Indonesia adalah “bagian dari diri saya. (Tepukan.) bahagian daripada naluri saya. Saya mula datang ke negara ini apabila ibu saya berkahwin dengan lelaki Indonesia bernama Lolo Soetoro. Ketika itu saya kanak-kanak – sebagai seorang kanak-kanak lelaki, saya datang ke negara yang berbeza. Tetapi orang-orang Indonesia menerima saya dengan senang hati.

Jakarta – sekarang, jauh berbeza daripada sekarang waktu itu. Bandarnya penuh dengan bangunan yang cuma beberapa tingkat sahaja. Ini pada tahun 1967, '68 – ramai yang belum lahir lagi (Ketawa.) Hotel Indonesia di antara bangunan yang tinggi, dan cuma ada satu pusat membeli-belah bernama *Sarinah*. Itu saja. *Beca* dan bemo, itulah cara untuk ke sana-kemari. Itu lebih banyak daripada kereta pada masa itu, dan anda tidak ada lebuh raya besar seperti sekarang.

dan jalan-jalan banyak tidak berturap dan kawasan-kawasan dipenuhi dengan kampung-kampung.

Kami berpindah ke Menteng Dalam, di mana (Tepukan). Hey ada penuduk Menteng dalam di sini. (Tepukan.) dan duduk di sebuah rumah kecil dengan pokok mangga di halaman depan. Saya mula mencintai Indonesia ketika bermain layang-layang, berlari di sepanjang sawah-sawah, menangkap papatung dan membeli *sate* dan *bakso* dari penjual di kaki lima. (Tepukan.) Saya masih ingat panggilan penjual. Sate! (Ketawa.). Saya ingat itu. Baso! (Ketawa.) tetapi yang paling saya ingat, penduduknya – orang-orang tua yang menyambut kami dengan senyuman mesra; kanak-kanak yang membuat seorang kanak-kanak dari luar rasa seperti jiran dan sahabat, dan guru-guru yang membantu saya belajar tentang negara ini.

Oleh kerana Indonesia terdiri daripada beribu-ribu pulau, beratus-ratus bahasa, dan penduduk dari berbagai kawasan dan kumpulan etnik, waktu saya di sini membuat saya memahami manusia sejagat. Dan ketika bapa tiri saya, seperti kebanyakan orang Indonesia, seorang Muslim, dia betul-betul percaya bahawa semua agama patut dihormati. Dengan in (Tepukan.) Dengan ini, dia sendiri menggambarkan semangat toleransi terhadap agama-agama yang termaktub di dalam Perlembagaan Indonesia, dan ini kekal sebagai ciri-ciri Indonesia yang memberi inspirasi kepada semua.

Saya tinggal di sini selama empat tahun – waktu yang membentuk zaman kanak-kanak saya; waktu dimana adik perempuan kesayangan saya, Maya, dilahirkan; dan waktu di mana ibu saya begitu tertarik kepada Indonesia sehingga beliau sanggup berulang-alik ke sini selama 20 tahun untuk duduk, kerja dan melawat – dan mengejar keghairahannya untuk membuka peluang di kawasan-kawasan desa Indonesia, terutamanya untuk wanita dan gadis-gadis. . Dan saya begitu terharu apabila Presiden Yudhoyono malam tadi menyampaikan hadiah bagi pihak ibu saya, member penghormatan kepada kerja ibu saya. Pasti dia bangga sebab ibu saya menganggap Indonesia dan penduduknya sangat dekat dengannya selama hayatnya, Begitu banyak telah berubah dalam masa empat dekad sejak saya melangkah naik kapal terbang untuk pulang ke Hawaii. Kalau anda tanya saya – atau mana-mana rakan sekolah yang mengenali saya waktu itu – saya fikir tak seorangpun di antara kami menyangka yang saya akan pulang ke Jakarta sebagai Presiden Amerika Syarikat. (Tepukan.) Dan tidak ramai menjangkakan cerita hebat Indonesia selama empat dekad ini.

Jakarta yang saya pernah kenali kini telah membesar dengan penduduk berjumlah 10 juta, sesak dengan pencakar-pencakar langit yang melebihi Hotel Indonesia, dan penuh dengan pusat-pusat budaya dan perdagangan.Sementara saya dan rakan-rakan saya berlari di padang dengan kerbau dan kambing, (Ketawa.) generasi sekarang pula begitu kagum dengan telefon bimbit dan *jarangan social*. Dan sementara Indonesia sebagai negara muda berfokus kepada isu dalam negeri, Indonesia yag moden kini memainkan peranan penting di rantau Asia Pacific dan ekonomi global. (Tepukan.)

Perubahan ini menjangkau kepada politik. Ketika bapa tiri saya masih kecil, dia melihat bapanya sendiri dan abangnya meninggalkan rumah untuk berjuang dan menumpahkan darah demi kemerdekaan Indonesia. Saya gembira dapat berada di sini pada Hari Pahlawan untuk memperingati rakyat Indonesia yang berjuang untuk negara bertuah ini. (Tepukan.)

Saya berpindah ke Jakarta pada tahun 1967, selepas begitu banyak sengsara dan konflik di beberapa bahagian negara ini. Walaupun bapa tiri saya telah berkhidmat di dalam Tentera Darat, keganasan dan pembunuhan waktu pergolakan politik tidak saya ketahui dan tidak dibincangkan di kalangan keluarga Indonesia saya dan rakan-rakan saya. Di kalangan keluarga saya, dan juga keluarga-keluarga lain di Indonesia, ianya wujud tetapi tidak kelihatan. Rakyat Indonesia mendapat kemerdekaan, tetapi rasa takut untuk meluahkan perasaan mereka tentang isu-isu.

Selang beberapa tahun Indonesia telah mencari jalan sendiri, melalui transformasi demokratik yang menakjubkan – dari pemerintahan kuku besi kepada pemerintahan oleh rakyatnya. Baru-baru ini, dunia telah melihat dengan penuh harapan dan kekaguman, apabila rakyat Indonesia menerima perubahan kuasa secara aman dan pemilihan pemimpin oleh rakyat. Demokrasi negara ini dilambangkan oleh Presiden dan wakil-wakil yang dipilih, demokrasi anda berterusan dan dimantapkan dengan *sekatan dan imbalan*: masyarakat sivil yang dinamik; parti politik dan kesatuan sekerja; media yang cergas dan rakyat yang aktif yang memastikan bahawa – di Indonesia – tidak boleh membelakangkan demokrasi.

Walaupun negara waktu muda saya ini telah berubah di dalam berbagai bentuk, perkara yang saya cintai tentang Indonesia --- semangat toleransi yang termaktub di dalam perlembagaan; yang boleh dilihat dari masjid-masjid, gereja-gereja dan kuil-kuil; berdiri dengan megah bersama-sama; semangat yang didapati di dalam jiwa rakyat – yang masih hidup. (Tepukan) *Bhinneka Tunggal Ika* – bersatu di dalam perbezaan. (Tepukan) Inilah asas contoh Indonesia kepada dunia, dan inilah sebabnya Indonesia akan mengambil bahagian yang penting di dalam abad ke 21. Oleh itu hari ini, saya kembali ke Indonesia sebagai seorang rakan, tetapi juga sebagai Presiden yang mahukan kerjasama yang mendalam dan berkekalan di antara kedua negara. (Tepukan) Sebab sebagai negara yang luas dan dengan dengan banyak kepelbagaian; dan terutama sebagai negara yang demokratik – Amerika Syarikat dan Indonesia terikat bersama dengan kepentingan bersama dan nilai yang dikongsi.

Semalam, saya dan Presiden Yudhoyono mengumumkan Kerjasama Komprehensif di antara Amerika Syarikat dan Indonesia. Kami sedang mempertingkatkan pertalian di antara kedua kerajaan di dalam berbagai bidang, dan – lebih penting – kami juga sedang mempertingkatkan pertalian di kalangan rakyat, berasaskan kepentingan bersama dan semangat saling hormat –menghormati.

Dengan waktu yang saya ada di sini hari ini, saya ingin bercakap tentang mengapa cerita yang baru saya nyatakan tadi – cerita Indonesia sejak saya tinggal di sini – sangat penting bagi Amerika Syarikat, dan kepada dunia. Saya akan memberi fokus kepada tiga perkara yang saling berkaitan, dan sangat penting untuk kemajuan rakyat – pembangunan, demokrasi dan kepercayaan di dalam agama.

Pertama, persahabatan di antara Amerika Syarikat dan Indonesia boleh memajukan kepentingan bersama di dalam pembangunan.

Waktu saya berpindah ke Indonesia, amat susah untuk membayangkan masa depan di mana kemakmuran keluarga-keluarga di Chicago dan Jakarta boleh berkait. Ekonomi kita semakin global, dan Indonesia telah menemui janji dan mengalami keperitan dari globalisasi; mulai dari kejutan krisis kewangan Asia pada tahun 90an sehingga jutaan rakyat dapat melepaskan diri dari kemiskinan kerana peningkatan perdagangan dan perniagaan. Ini bermakna – dan apa yang kita pelajari dari krisis ekonomi baru-baru ini – kita ada kepentingan bersama di dalam kejayaan masing-masing.

Amerika ada kepentingan di dalam Indonesia yang semakin berkembang dan semakin maju, dengan kemakmuran yang dikongsi bersama di kalangan rakyat Indonesia – sebab peningkatan jumlah kelas tengah di sini bermakna pasaran baru bagi barangan kami, seperti juga Amerika adalah pasaran bagi barangan dari Indonesia. Kami juga melabur lebih banyak di Indonesia, dan eksport kami telah naik 50 peratus. Dengan begitu kami membuka pintu kepada rakyat Amerika dan Indonesia untuk berniaga bersama.

Amerika ada kepentingan di dalam Indonesia yang memainkan peranan yang sepatutnya di dalam membentuk ekonomi global. Masa di mana cuma tujuh atau lapan negara bermesyuarat untuk menentukan arah pasaran global sudah berlalu. Oleh itu G20 adalah pusat kerjasama ekonomi antarabangsa, supaya negara membangun seperti Indonesia mempunyai suara yang lebih lantang dan boleh memikul lebih banyak tanggungjawab untuk memandu ekonomi global. Dan melalui kepimpinan kumpulan anti-korupsi G20, Indonesia patut memberi kepimpinan di pentas dunia dan memberi contoh di dalam ketelusan dan kebertanggungjawapan. (Tepukan).

Amerika mempunyai kepentingan di dalam Indonesia yang mengejar pembangunan yang berkekalan sebab cara kita membangun akan menentukan kualiti hidup kita dan kesihatan dunia ini. Dan sebab itulah kita sedang memajukan teknologi kuasa yang bersih yang boleh memberi kuasa menjalankan industri dan memelihara sumber asli sangat berharga – dan Amerika mengalu-alukan kepimpinan kuat anda di dalam usaha global untuk melawan perubahan iklim.

Lebih-lebih lagi, Amerika mempunyai kepentingan di dalam kejayaan rakyat Indonesia. Di luar hal-hal yang terlihat dalam tajuk berita harian, kita mesti membina jambatan di antara rakyat kita, sebab keselamatan dan kemakmuran kita di masa depan kita kongsi bersama. Dan itulah yang kita sedang buat – dengan meningkatkan kerjasama diantara ahli-ahli sains dan para pengkaji kita, dan bekerjasama untuk meningkatkan keusahawanan.

Dan saya begitu gembira yang kita mempunyai komitmen untuk menggandakan jumlah pelajar Amerika dan Indonesia belajar di negara masing-masing. (Tepukan). Kami mahu lebih ramai pelajar Indonesia di dalam sekolah-sekolah Amerika, dan

kami mahu lebih ramai pelajar Amerika untuk belajar di negara ini. (Tepukan). Kami mahu menjalinkan perhubungan baru dan persefahaman yang lebih baik di antara generasi muda di awal abad ini.

Inilah isu-isu yang bermakna di dalam hidup seharian kita. Pembangunan bukan cuma tentang angka pertumbuhan dan jumlah wang di dalam kunci kira-kira. Ianya tentang sama ada seorang kanak-kanak boleh mendapat kemahiran yang mereka perlukan untuk berjaya di dalam dunia yang sentiasa berubah. Ia tentang sama ada idea yang baik dibenarkan untuk membangun di dalam bisnes, dan tidak dicekik oleh rasuah. Ia tentang sama ada kuasa-kuasa yang telah mengubah Jakarta yang saya kenali dulu – teknologi dan perdagangan dan aliran manusia dan barangan – boleh membawa hidup yang lebih baik untuk semua rakyat Indonesia, semua manusia, suatu hidup yang berlandaskan maruah dan peluang baik.

Pembangunan seperti ini tidak boleh dipisahkan daripada demokrasi.

Kini, kita kadang kala terdengar bahawa demokrasi menghalang kemajuan ekonomi. Ini bukanlah satu fikiran baru. Terutama di waktu perubahan dan ketidak tentuan ekonomi, ada yang mengatakan lebih baik ambil jalan senang dengan mengambil hak manusia demi kuasa untuk pemerintah. Tetapi itu bukanlah apa yang saya nampak di dalam lawatan saya ke India, dan ini bukanlah apa yang saya nampak di Indonesia. Pencapaian anda di sini jelas menunjukkan bahawa demokrasi dan pembangunan saling membantu.

Seperti demokrasi di mana-mana, anda semua tahu ada halangan di dalam perjalanan. Amerika tidak berbeza. Perlembagaan kami bercakap tentang usaha untuk satu “kesatuan yang lebih sempurna,” dan itulah perjalanan yang kami ambil selama ini. Kami telah mengharungi perang saudara dan berjuang untuk mendapatkan hak yang sama untuk semua rakyat kami. Tetapi usaha inilah yang telah membuat kami lebih kuat dan lebih makmur, sambil menjadi masyarakat yang lebih adil dan lebih bebas.

Seperti negara lain yang timbul dari pemerintahan penjajah di abad lalu, Indonesia berjuang dan berkorban untuk hak menentukan nasib sendiri. Itulah makna Hari Pahlawan – sebuah Indonesia yang dimiliki oleh rakyat Indonesia. Tetapi anda sendiri yang akhirnya menentukan bahawa kebebasan tidak bermakna menggantikan kuku besi penjajah dengan kuku besi sendiri.

Tentulah demokrasi itu tidak selicin yang dibayangkan. Tidak semua orang gembira dengan keputusan pilihanraya. Anda akan mengalami turun naik. Tetapi perjalanannya sungguh berguna, dan ianya lebih daripada membuang undi. Ia memerlukan institusi yang kuat untuk menahan kuasa – pemusatan kuasa. Ia memerlukan pasaran bebas untuk membenarkan individu maju ke depan. Ia memerlukan media bebas dan sistem perundangan yang bebas untuk mencabut

keluar penderaan dan keterlaluan, dan memastikan kebertanggungjawapan. Ia memerlukan masyarakat yang terbuka dan warganegara yang aktif untuk menolak ketidakseimbangan dan ketidakadilan.

Ini adalah jana kuasa yang akan membawa Indonesia maju ke hadapan. Ia memerlukan penolakan rasuah yang telah menghalang peluang; komitmen terhadap ketelusan yang memberi setiap rakyat Indonesia kepentingan di dalam pemerintah mereka; satu kepercayaan bahawa kebebasan rakyat Indonesia – bahawa rakyat Indonesia telah memperjuangkan apa yang kini telah menyatukan negara yang hebat ini.

Inilah pesanan rakyat Indonesia yang telah memajukan ceritera demokrasi ini – dari mereka yang telah berjuang di dalam pertempuran Surabaya 55 tahun yang lalu; kepada para pelajar yang berarak secara aman untuk demokrasi pada tahun 1990an; kepada para pemimpin yang telah mendakap perubahan kuasa secara aman di awal abad ini. Sebab akhirnya, adalah hak rakyat untuk menyatukan Nusantara yang indah ini dari Sabang ke Merauke, satu kehendak (Tepukan) – satu kehendak oleh setiap anak yang lahir di negara ini, patut di beri hak yang sama, sama ada mereka dari Jawa atau Aceh; dari Bali atau Papua. (Tepukan). Bahawa semua rakyat Indonesia mempunyai hak yang sama.

Usaha Indonesia ini menjadi contoh di negara luar. Indonesia mengambil inisiatif untuk menubuhkan Forum Demokrasi Bali, sebuah forum terbuka untuk negara-negara yang berkongsi pengalaman dan amalan terbaik di dalam memupuk demokrasi. Indonesia juga di hadapan di dalam mendesak untuk hak asasi kemanusiaan di dalam ASEAN.

Negara-negara ASEAN mesti mempunyai hak untuk menentukan nasib mereka, dan Amerika Syarikat menyokong kuat hak tersebut. Dan rakyat Asia Tenggara mesti mempunyai hak untuk menentukan nasib mereka juga. Oleh sebab itulah kami mengutuk pilihanraya di Burma baru-baru ini yang tidak bebas dan tidak adil. Oleh sebab itulah kami menyokong masyarakat sivil anda yang bekerjasama dengan rakan kerja di pelusuk rantau. Kerana tidak ada sebab mengapa hak asasi kemanusiaan patut dihentikan di sempadan mana-mana negara.

Pembangunan dan demokrasi patut bekerjasama – mengikuti pemikiran bahawa nilai tertentu adalah universal. Kemakmuran tanpa kebebasan adalah satu bentuk kemiskinan. Sebab manusia berkongsi satu aspirasi – kebebasan mengetahui bahawa pemimpin anda bertanggungjawab kepada anda., dan anda tidak akan dipenjarakan kerana tidak setuju dengan mereka; peluang untuk mendapat pendidikan dan bekerja dengan kehormatan; kebebasan untuk beragama tanpa takut atau batasan. Itulah nilai-nilai sejagat yang harus dipraktikkan di mana-mana.

Agama adalah topik terakhir yang saya ingin bicarakan hari ini, dan – seperti demokrasi dan pembangunan – ia adalah tunjang cerita negara Indonesia.

Seperti negara Asia yang saya lawati di dalam lawatan ini, Indonesia sebuah negara yang penuh dengan kepercayaan – tempat di mana Tuhan disembah di dalam berbagai cara. Bersama dengan kepelbagaian ini, ia juga tuan rumah kepada rakyat beragama Islam yang paling ramai di dunia – satu kebenaran yang saya ketahui sebagai kanak-kanak apabila mendengar azan di serata Jakarta.

Seorang individu tidak diukur dengan kepercayaannya sahaja, begitu juga Indonesia tidak hanya diukur dengan jumlah penduduk Islamnya. Kita juga maklum bahawa perhubungan Amerika Syarikat dan masyarakat Islam telah menegang sejak beberapa tahun ini. Sebagai Presiden menjadi prioriti saya untuk membaiki perhubungan ini. (Tepukan). Selari dengan usaha itu, saya melawat Kaherah Jun lalu, dan saya menggesa untuk permulaan baharu di antara Amerika Syarikat dan umat Islam seluruh dunia – membentuk jalan untuk kita maju ke depan tanpa menghirau perbezaan kita.

Saya berkata waktu itu, dan saya ulangi sekali lagi, bahawa satu ucapan tidak cukup untuk membasmi ketidakpercayaan yang sudah bertahun lamanya. Tetapi saya percaya dulu, dan saya percaya kini, bahawa kita pasti ada pilihan. Kita boleh pilih untuk ditentukan oleh perbezaan kita, dan memberi jalan kepada masa depan yang penuh syak wasangka. Atau kita boleh pilih untuk bekerja keras mencari jalan yang seiring, dan memberi komitmen ke arah kemajuan. Dan saya berjanji – walau apapun halangan yang akan menjelma, Amerika Syarikat tetap komited kepada kemajuan kemanusiaan. Itu adalah pendirian kami. Itulah apa yang kami telah lakukan. Dan itulah apa yang kami akan buat. (Tepukan.)

Sekarang, kita tahu isu-isu yang telah menyebabkan ketegangan beberapa tahun – dan ini adalah isu-isu yang saya bantah di Kaherah. Tujuh belas bulan telah berlalu sejak ucapan saya di Kaherah, kita telah nampak kemajuan, tetapi kita masih ada banyak kerja.

Orang-orang awam yang tidak berdosa di Amerika, di Indonesia dan di serata dunia masih menjadi sasaran keganasan. Saya telah berkata dengan sekeras-kerasnya bahawa Amerika tidak, dan tidak akan berperang dengan Islam. Sebaliknya, kita mesti bekerjasama untuk menumpaskan Al Qaeda dan kuncu-kuncunya, yang tiada hak untuk menjadi pemimpin mana-mana agama – dan tentu tidak agama yang hebat, agama dunia seperti Islam. Tetapi mereka yang mahu membina mesti tidak mengalah kepada pengganas yang cuma mahu membawa kemusnahan. Dan ini bukanlah tugas Amerika sahaja. Malah, di Indonesia, anda telah membuat kemajuan di dalam membanteras pihak pelampau dan membasmi keganasan tersebut.

Di Afghanistan, kami terus bekerjasama dengan sekutu kami untuk membina kemampuan kerajaan Afghanistan demi masa depannya. Kami bekerjasama untuk membina keamanan di sebuah negara yang telah banyak mengalami peperangan – membina keamanan yang tidak selamat untuk pengganas, dan memberi harapan kepada rakyat Afghanistan.

Pada masa yang sama, kami telah membuat kemajuan di dalam satu komitmen asas – usaha kami untuk mengakhiri peperangan di Iraq. Hampir 100,000 anggota tentera Amerika telah meninggalkan Iraq di bawah kepimpinan saya sebagai Presiden. (Tepukan.) Warga Iraq telah mengambil tanggungjawab sepenuhnya untuk keselamatan mereka. Dan kami akan terus menyokong Iraq untuk membina sebuah kerajaan yang tidak mengetepikan mana-mana pihak, dan kami akan membawa pulang kesemua anggota tentera kami.

Di Timur Tengah, kami telah menemui beberapa masalah, tetapi kami berazam untuk mencari keamanan. Israel dan Palestin mula bertemu semula, tetapi halangan besar tetap wujud. Kita patut tidak impikan yang kemananan dan keselamatan akan datang dengan mudah. Tetapi janganlah ragu-ragu yang Amerika akan bekerja kuat untuk hasil yang adil, untuk kepentingan semua pihak yang terlibat – dua negara, Israel dan Palestin, hidup bersama di dalam keamanan dan keselamatan. Itulah matlamat kami. (Tepukan.)

Kepentingannya amat tinggi di dalam mencari penyelesaian isu-isu ini. Dunia kita semakin kecil, dan sambil kuasa yang mengaitkan kita telah melancarkan peluang dan kekayaan yang melimpah, ianya juga memberi kuasa kepada mereka yang mahu menghindar kemajuan. Sebiji bom di sebuah pasar akan melenyapkan kesibukan perdagangan. Bisikan khabar angin boleh mengkaburkan kebenaran dan mencetuskan keganasan di dalam komuniti yang dulunya hidup bersama di dalam keamanan. Di dalam zaman yang berubah dengan pantas dan adanya pertembungan kebudayaan, apa yang kita kongsi bersama sebagai manusia sejagat boleh lenyap begitu sahaja.

Tetapi apa yang saya percaya adalah sejarah Amerika dan Indonesia patut memberi kita harapan. Ia merupakan cerita yang terutlis di dalam cogan kata kita. Di Amerika ialah *E pluribus unum* – antara banyak, satu. *Bhinneka Tunggal Ika* – bersatu di dalam perbezaan. (Tepukan.) Kita adalah dua negara yang telah melalui perjalanan yang berbeza. Tetapi negara kita menunjukkan bahawa beratus juta yang memegang berbagai kepercayaan boleh bersatu di dalam kebebasan di bawah satu bendera. Dan kita kini memupuk kemanusiaan yang sama itu – menerusi generasi muda yang akan bertukar-tukar sekolah; menerusi usahawan yang mengikat pertalian yang boleh membawa kepada kemakmuran; dan menerusi penerimaan nilai-nilai demokratik yang asas serta aspirasi manusia.

Sebelum saya ke sini, saya melawat Masjid Istiqlal – tempat sembahyang yang masih di dalam pembinaan waktu saya tinggal di Jakarta. Dan saya kagum dengan menara yang menjulang tinggi – dan kubah yang begitu besar dan kawasan luas yang menyambut mesra para pengunjung. Tetapi nama dan sejarahnya menggambarkan apa yang membuatkan Indonesia negara yang hebat. *Istiqlal* bermakna kemerdekaan, dan pembinaannya merupakan sebahagian daripada perjuangan negara untuk kebebasan. Juga, tempat sembahyang ini untuk ribuan umat Islam direka oleh arkitek beragama Kristian. (Tepukan.)

Itulah semangat Indonesia. Itulah mesej falsafah Indonesia yang menerima semua, Pancasila. (Tepukan.) Kepulauan yang mengandungi ciptaan Tuhan yang begitu indah, pulau-pulau yang timbul dari lautan bernama keamanan, rakyatnya memilih untuk menyembah Tuhan dengan cara mereka sendiri. Islam tetap berkembang, tetapi juga agama lain. Pembangunan diperkuatkan dengan demokrasi. Tradisi lama berkekalan, walaupun kuasa baru bergerak.

Ini bukanlah hendak mengatakan bahawa Indonesia tiada kelemahannya. Tidak ada negara yang begitu. Tetapi di sini kita menemui kebolehan untuk menyatukan bangsa, rantau dan agama – dengan kebolehan untuk melihat diri sendiri di dalam orang lain. Sebagai kanak-kanak dari bangsa lain dari negara yang jauh, saya dapati semangat ini ketika baru sampai di sini di dalam sambutan: Selamat datang. Sebagai seorang yang beragama Kristian yang melawat masjid di dalam lawatan ini, saya dapati kata-kata ini oleh seorang pemimpin yang ditanya tentang lawatan saya, “Umat Islam juga dibenarkan masuk gereja. Kita semua pengikut Tuhan.”

Kilauan dari Tuhan itu hidup di dalam kita semua. Kita tidak patut mengalah pada perasaan ragu-ragu, sinis atau putus harapan. Cerita-cerita Indonesia dan Amerika patut membuatkan kita optimis, sebab ia menyatakan bahawa sejarah itu berdamping dengan kemajuan manusia; bahawa bersatu lebih berkuasa daripada bercerai; dan manusia di dunia ini boleh hidup di dalam keamanan. Semoga negara kita, bekerjasama, dengan keimanan dan kecekalan, berkongsi kebenaran ini dengan semua manusia.

Sebagai penutup, saya mengucapkan kepada seluruh rakyat Indonesia: Terima kasih. Terima kasih. Assalamualaikum. Terima kasih.

TAMAT 10:31 PAGI WIT